



## MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT BATU PAHAT, JOHOR

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia keutamaan kepada Rakyat Negeri Johor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan **TETAP** di **Majlis Perbandaran Batu Pahat**.

Bil.	Jawatan	Gred	Klasifikasi Perkhidmatan	Jadual Gaji Minimum – Maksimum
1.	Pembantu Kemahiran	H19	Kemahiran	RM1,377.00 – RM4,052.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM100.00
2.	Pembantu Awam	H11	Kemahiran	RM1,218.00 – RM2,939.00 Kenaikan Gaji Tahunan RM80.00

### CARA MEMOHON

Sila layari laman web rasmi Majlis Perbandaran Batu Pahat di <http://www.mpbp.gov.my/> untuk keterangan lanjut.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 26 MEI 2022 (KHAMIS)**

## **PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19**

- 1.** a) Jawatan : Pembantu Kemahiran Gred H19  
b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran  
c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
d) Gred : H19

### **2. JADUAL GAJI**

- a) Jadual Gaji Minimum-Maksimum : RM1,377.00 – RM4,052.00
- b) Kenaikan Gaji Tahunan : RM100.00

### **3. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a warganegara Malaysia; dan
- b berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,377.00); atau  
  
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12); atau  
  
SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenian Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12); atau  
  
SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24); atau  
  
SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenian Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24)

#### **4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemunggah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

- a. telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
- b. mempunyai kelayakan di perkara 2(c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan
- c. had umur pelantikan:
  - i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii. berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii. berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### **6. SENARAI BIDANG KURSUS BAGI CALON YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM) UNTUK TUJUAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19:**

BIL	SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM)	
	BIDANG KURSUS	NAMA KURSUS
1	Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	<ul style="list-style-type: none"><li>• Teknologi Elektrik</li><li>• Teknologi Elektronik</li></ul>
2	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Teknologi Kimpalan</li><li>• Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara</li></ul>
3	Teknologi Kejuruteraan Awam	<ul style="list-style-type: none"><li>• Teknologi Pemprosesan Kayu dan Kemasan</li></ul>

#### **7. TARAF JAWATAN: TETAP**

## **PEMBANTU AWAM GRED H11**

1. a) Jawatan : Pembantu Awam Gred H11
- b) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- d) Gred : H11

### **2. JADUAL GAJI**

- a) Jadual Gaji Minimum-Maksimum : RM1,218.00 – RM2,939.00
- b) Kenaikan Gaji Tahunan : RM80.00

### **3. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia; dan
- b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji permulaan pada Gred H11: RM1,218.00)

**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas penyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan

daripada Jabatan Laut Malaysia)

(Gaji permulaan pada Gred H11: RM1,264.15)

### **4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Mata Pelajaran	Syarat Minimum Gred di PT3	Syarat Minimum Gred di PMR	Syarat Minimum Gred di SRP
Bahasa Melayu	Kepujian (Gred C)	Kepujian (Gred C)	Kepujian (Gred 6)
Matematik	Lulus (Gred E)	Lulus (Gred D)	Lulus (Gred 7 atau 8)

Tiga (3) mata pelajaran lain	Lulus (Gred E)	Lulus (Gred D)	Lulus (Gred 7 atau 8)
------------------------------	-------------------	-------------------	--------------------------

## 5. TARAF JAWATAN: TETAP

### **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

### **PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web: [www.mpbp.gov.my](http://www.mpbp.gov.my)

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Batu Pahat  
Jalan Pejabat  
83000 Batu Pahat

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN IALAH PADA 26 MEI 2022**

### **PERHATIAN KEPADA PEMOHON:**

1. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan 3 tahun berturut-turut;
2. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil berhenti sekolah, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun Gred 41 ke atas/Penghulu/Pengetua/Guru Besar/Pesuruhjaya Sumpah atau mereka yang diperakui pengesahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;
3. Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;

4. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga; dan
5. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
6. Pentadbiran MPBP tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**(EZAHAR BIN ABU SAIRIN)**

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Batu Pahat